

05 DEC 2002

Ling-Adun/I

MCA KAJI SAMA ADA BN BOLEH AMBIL TINDAKAN TERHADAP DUA ADUN

KAMPAR, 5 Dis (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata beliau akan mengkaji perlembagaan Barisan Nasional (BN) untuk mengetahui sama ada dua anggota Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari MCA boleh diambil tindakan oleh perikatan itu dan bukan oleh MCA.

"Saya perlu kaji dulu sama ada BN mempunyai peruntukan bagi tindakan disiplin. Bagi kita, MCA mempunyai kuasa untuk bertindak dalam hal ini," kata beliau selepas melawat tapak cadangan kampus induk Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) di sini, hari ini.

Dr Ling berkata demikian sebagai mengulas cadangan beberapa pihak bahawa tindakan terhadap Tan Cheng Liang (BN-Jawi) dan Lim Boo Chang (BN-Datuk Keramat) harus diambil oleh BN dan bukannya MCA memandangkan kedua-dua wakil rakyat itu bertanding atas tiket BN dalam pilihan raya umum.

Mesyuarat Majlis Presiden MCA dua hari lepas mengarahkan lembaga disiplin untuk mengadakan siasatan terhadap Tan dan Lim yang pada 21 Nov lepas berkecuali daripada mengundi dalam satu usul pembangkang di Persidangan Dewan Undangan Negeri untuk menunda Projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang bernilai RM1.02 bilion.

Dr Ling juga berkata majlis presiden itu tidak mengambil apa-apa tindakan kerana ia hal disiplin dan dirujuk kepada lembaga disiplin seperti yang diperuntukan dalam perlembagaan MCA.

"Tetapi kami tidak menetapkan apa-apa tempoh masa bagi mereka mengemukakan laporan. Memandangkan ia hal yang perlu disegerakan, diharapkan kita dapat menyelesaikannya dalam masa yang singkat," kata beliau.

Sementara itu Dr Ling juga menafikan dakwaan timbalannya Datuk Lim Ah Lek bahawa beliau (Lim) tidak diberitahu mengenai tindakan terhadap kedua-dua Adun itu dan menambah kata beliau tidak pernah mengadakan mesyuarat sulit untuk membincangkan hal itu.

"Setiap orang diberitahu mengenai mesyuarat jawatankuasa presiden tetapi beliau (Lim) tidak menghadirinya sementara ada yang berada di luar negara. Mungkin beliau menghadiri mesyuarat sulit itu, saya tak tahu," kata Dr Ling.

Laporan akhbar hari ini memetik Lim sebagai berkata beliau tidak hadir di mesyuarat itu kerana beliau dan penyokongnya tidak dimaklumkan mengenai kedudukan tindakan terhadap dua adun Pulau Pinang itu sementara beberapa pemimpin tertentu mengadakan `pertemuan sulit' setiap hari bersama Dr Ling.

Dr Ling juga menolak dakwaan bahawa pelan keamanan yang diusahakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal tahun ini untuk menyatukan dua puak dalam parti itu gagal ekoran beberapa `road shows' baru-baru ini oleh "Team B" yang diketuai oleh Lim.

"Dalam apa-apa pertubuhan pun dan pada bila-bila masa, pasti terdapat sedikit sebanyak perbezaan. Apa yang penting ialah bagaimana kita menguruskan perbezaan ini," katanya.

Di sebaliknya, kata Dr Ling pelan itu telah berjaya dengan majoriti anggota menumpukan pada agenda konstruktif sementara segelintir sahaja yang berbuat di sebaliknya.

"Anggota-anggota kita akan menjalankan kempen kutip derma bagi Utar. Saya harap semua orang akan turut serta dengan kami dalam usaha ini," katanya.

Dr Ling juga berkata majlis pecah tanah bagi kampus induk Utar akan

diadakan pada 12 Jan dan mereka telah mendapatkan perkhidmatan Dr Kenn Fisher, seorang pakar terkemuka dalam merancang kampus dan kemudahan pendidikan.

"Kampus ini akan dibina berperingkat-peringkat dalam tempoh beberapa tahun dan kami sedang menyiapkan satu pelan induk. Kami juga sedang menghitung kos," katanya selepas mengiringi beberapa anggota Panel Penasihat Antarabangsa Utar ke tapak itu.

-- BERNAMA

AR PR